

HAFAZAN MASRUR DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN MINAT DAN PENGUASAAN MURID UNTUK MENGHAFAZ SURAH AL-^ḥĀDIYĀT

ASMA' SALSABILAH BINTI ZAIPUDIN

asma070395@yahoo.com

ABSTRAK

Pembelajaran Hafazan dalam Bidang al-Quran amat penting bagi kanak-kanak sejak sekolah rendah lagi untuk menanamkan rasa cinta yang kukuh terhadap Kitabullah yang seharusnya menjadi panduan hidup seorang muslim. Oleh yang demikian, pendidik memainkan peranan yang penting dalam menggunakan kaedah yang lebih praktikal dan menarik untuk memastikan keberkesanan pengajaran ke atas murid-murid. Kajian ini bertujuan untuk membantu meningkatkan melalui penguasaan murid dalam menghafaz *Surah al-ḥĀdiyāt* dengan menggunakan kaedah Hafazan Masrur yang menekankan pendekatan kefahaman melalui penggunaan kata kunci dan ilustrasi gambar untuk menghafaz. Kaedah ini dikukuhkan lagi dengan teknik pergerakan yang melibatkan anggota tubuh peserta kajian untuk membantu meningkatkan minat murid dan mengekalkan surah hafazan dalam tempoh jangka masa yang panjang. Pengkaji telah menggunakan tiga jenis kaedah untuk membuat pengumpulan data kajian iaitu pemerhatian, maklum balas dan analisis dokumen dalam menjalankan kajian ke atas empat orang murid yang terdiri daripada 2 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan tahun 4 di Sekolah Kebangsaan Mumtaz. Dapatan menunjukkan penguasaan murid dalam menghafaz *Surah al-ḥĀdiyāt* dengan menggunakan Kaedah Hafazan Masrur meningkat di mana purata peratusan skor peningkatan markah ujian murid dalam tinjauan akhir adalah sebanyak 75% dan perubahan reaksi murid seperti seronok dan berkeyakinan dapat dilihat. Hal ini menunjukkan kaedah ini dapat meningkatkan penguasaan dan minat murid dalam menghafaz *Surah al-ḥĀdiyāt*.

Kata Kunci: *Kaedah Hafazan Masrur, Teknik kata kunci, Kefahaman, Ilustrasi gambar, Pergerakan.*

PENGENALAN

Pada praktikum pertama iaitu bermula dari bulan Julai sehingga bulan Oktober 2017, saya telah menjalankan praktikum dan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid Tahun 4 dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bagi Sekolah Kebangsaan Mumtaz (nama samaran). Hasil pemerhatian semasa berada di sekolah menunjukkan kebanyakan murid Tahun 4 dapat menghafaz surah-surah lazim dengan baik. Hal demikian adalah hasil didikan budaya sekolah yang sentiasa menekankan pengamalan budaya membaca pada setiap pagi hari persekolahan.

Namun demikian, catatan nota lapangan semasa PdPc menunjukkan murid mengalami masalah kekeliruan dalam penyusunan ayat satu hingga ayat lima bagi *Surah al-ḥĀdiyāt* sehingga menyebabkan mereka tidak dapat menguasai hafazan surah tersebut dengan baik. Berdasarkan hasil analisis markah empat orang peserta kajian dalam ujian sebelum tindakan menunjukkan bahawa keempat-empat peserta kajian mendapat markah yang rendah dengan markah sebanyak 20% bagi tiga orang murid dan 40% bagi seorang murid.

Fungsi kepimpinan dalam pendidikan adalah berdasarkan dua perkara iaitu kemampuan pengurusan dan penjagaan dalam memastikan matlamat yang hendak dicapai (Rahman, 2013). Sebagai pemimpin di dalam bilik darjah, saya berasa bertanggungjawab menyelesaikan masalah yang telah dikenalpasti. Pendidik

merupakan pengelola yang berhak menentukan kurikulum dan metod yang sesuai dengan matlamat yang ingin dicapai (Muslim, 2016). Oleh yang demikian, saya bercadang untuk membantu murid dalam menghafaz surah lazim iaitu *Surah al-Ādiyāt* dengan menggunakan kaedah yang lebih praktikal dan menarik. Dengan ini, saya ingin menjalankan kajian tindakan berkenaan “Kaedah Hafazan Masrur” Dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt*.

FOKUS KAJIAN

Menurut Ackroyd dan Hughs (1992), penyelidik perlu mengemukakan bentuk soalan yang relevan dengan fokus kajian. Bagi kajian tindakan ini, saya akan memberi fokus terhadap kaedah PdPc bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah, khususnya dalam Bidang al-Quran iaitu surah-surah hafazan. Semasa sesi PdPc, saya mendapati bahawa murid mudah keliru dengan penyusunan kalimah dalam ayat satu hingga ayat lima *Surah al-Ādiyāt* dan kelihatan lemah serta tidak bersemangat dalam menghafaz surah-surah. Keputusan penilaian di akhir pembelajaran juga memberi kepastian kepada saya berkenaan masalah tersebut. Penggunaan kaedah tkrar dan tasmik smasa PdPc didapati kurang membantu dalam menyelesaikan masalah tersebut memandangkan ianya berkait dengan masalah kekeliruan yang akhirnya memberi kesan terhadap tahap penguasaan hafazan murid. Hal tersebut turut berlaku kerana lupaan berlaku dengan mudah disebabkan pelajar kurang meneliti dan memberi tumpuan pada penerimaan informasi yang diproses melalui deria daftar dan memori jangka pendek (Suppiah et.al., 2009).

Sebagai seorang pendidik, saya menyedari tindakan sewajarnya perlu diambil untuk menanganinya. Ramzi (1994), menyimpulkan bahawa pendekatan Al-ghazālī yang menekankan penggunaan teknik pengajaran yang baik memberikan natijah-natijah baik yang membantu meningkatkan tempoh pengajaran dalam ingatan murid. Kajian ini bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan dan minat murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt* dengan menggunakan Kaedah Hafazan Masrur yang menekankan pendekatan kefahaman melalui penggunaan kata kunci dan kad gambar untuk menghafaz. Kaedah ini dikukuhkan lagi dengan teknik pergerakan yang melibatkan anggota tubuh peserta kajian untuk membantu meningkatkan minat dan penguasaan hafazan murid serta mengekalkan surah hafazan dalam tempoh jangka masa yang panjang.

OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- 1) Membantu meningkatkan minat murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt* dengan menggunakan Kaedah Hafazan Masrur.
- 2) Membantu meningkatkan penguasaan murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt* dengan menggunakan Kaedah Hafazan Masrur.

Persoalan Kajian

- 1) Adakah Kaedah Hafazan Masrur dapat membantu mningkatkan minat murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt*?
- 2) Bagaimana Kaedah Hafazan Masrur dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt*?

PESERTA KAJIAN

Jadual 1

Ciri-Ciri Peserta Kajian

Peserta Kajian	Ciri-Ciri Peserta Kajian
Murid A	<ul style="list-style-type: none"> Jantina : Lelaki Seorang yang sedikit pasif dan pemalu. Murid menunjukkan rasa bosan, tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya semasa menghafaz. Dia perlu ditegur dengan kerap agar menghafaz surah tersebut dengan bersungguh-sungguh.
Murid B	<ul style="list-style-type: none"> Jantina : Lelaki Seorang yang pendiam dan sangat merendah diri. Murid menunjukkan rasa bosan, kurang berkeyakinan dan merendah diri semasa menghafaz. Guru perlu menyebut sebutan awal kalimah terlebih dahulu bagi membantu murid ini melengkapkan setiap ayat.
Murid C	<ul style="list-style-type: none"> Jantina : Perempuan Seorang yang pendiam. Murid menunjukkan rasa bosan, kurang berkeyakinan dan merendah diri semasa menghafaz. Guru perlu menyebut sebutan awal kalimah terlebih dahulu bagi membantu murid ini melengkapkan setiap ayat.
Murid D	<ul style="list-style-type: none"> Jantina : Perempuan Seorang yang rajin, tekun dan bermotivasi tinggi untuk belajar. Murid menunjukkan wajah yang membosankan dan tidak juga kelihatan sangat berminat untuk belajar semasa menghafaz surah dimana murid tidak menunjukkan riak wajah seronok mahupun terlalu bosan.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Jadual 2

Langkah pelaksanaan Kaedah Hafazan Masrur

Minggu	Langkah	Pelaksanaan
Minggu 1	Langkah 1	Murid dikehendaki menghafaz <i>Surah al-Ādiyāt</i> menggunakan kaedah seperti biasa. Kemudian, lembaran set lembaran kerja diserahkan kepada peserta kajian dan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
	Langkah 2	Mengedarkan borang maklum balas kepada murid-murid.
	Langkah 3	Membuat refleksi di akhir sesi PdPc.
Minggu 2	Langkah 1	Mengedarkan borang kebenaran untuk menjalankan kajian dan menerangkan tujuan melaksanakan kajian ke atas mereka.
	Langkah 2	Memperkenalkan Kaedah Hafazan Masrur
	Langkah 3	Membimbing murid membaca ayat demi ayat dalam <i>Surah al-Ādiyāt</i> ayat satu hingga lima sehingga lancar.*Kaedah Talaqqi
	Langkah 4	Menerangkan maksud ayat-ayat dalam <i>Surah al-Ādiyāt</i> . *Kaedah Bercerita
	Langkah 5	Membuat refleksi di akhir intervensi
Minggu 3	Langkah 1	Memperkenalkan kad kalimah, kad gambar dan kad maksud kepada peserta kajian. *Kaedah penerangan
	Langkah 2	Mengarahkan murid menghafaz menggunakan kata kunci dan kad gambar. *Kaedah Pandang sebut
	Langkah 3	Memperkenalkan pergerakan berdasarkan kata kunci dan kad gambar yang telah dipelajari. *Kaedah Pergerakan
	Langkah 4	Mengarahkan murid menghafaz <i>Surah al-Ādiyāt</i> menggunakan pergerakan tersebut.
	Langkah 5	Menggabungkan kaedah tkrar dan tasmik bagi mengukuhkan kaedah pengajaran hafazan.
Minggu 4	Langkah 1	Menyerahkan set soalan ujian akhir kepada murid dan mengarahkan mereka menjawabnya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
	Langkah 2	Membuat rumusan terhadap hasil ujian akhir semasa sesi refleksi.

Dalam membantu murid menghafaz *Surah al-Ādiyāt* ayat satu hingga lima, saya telah membina jadual ringkas yang dipersembahkan dalam bentuk banting bagi

memudahkan pengajaran guru dan kefahaman murid. Banting tersebut mengandungi dua jenis jadual yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu Jadual Pengajaran dan Penilaian serta Jadual Petunjuk. Pembinaan jadual tersebut telah direka khas bagi menjalankan dua fungsi yang berbeza dalam PdPc iaitu bagi tujuan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) murid serta sebagai alat penilaian untuk menguji tahap penguasaan hafazan dan kefahaman murid. Rajah 1 menunjukkan gambar Banting yang saya gunakan untuk mengajar menggunakan Kaedah Hafazan Masrur.

مقصد	كلمة	آيات	بيلغن
Capak	صيحجا	وَالْعَدُوِّتِ صِيحَجًا	1
Air	قدا جا	قَالْمُورِيَّتِ قَدَا جَا	2
Selatan	صيحجا	قَالْعِيْرَتِ صِيحَجًا	3
Dahu	نقعا	قَالْتَرْنَ يَوْمَهُ نَقَعًا	4
Berkumpulan	جمعا	فَوَسَطْنَ بِهِ جَمْعًا	5

مقصد	كلمة	كلمة

Rajah 1. Contoh Gambar Banting Hafazan Masrur Yang Digunakan Untuk Mengajar

Semasa mengajar ayat pertama, murid-murid dikehendaki membaca ayat dalam surah tersebut dengan menggunakan kaedah tikrar (berulang-ulang) secara individu, pasangan dan kumpulan. Dalam memperkenalkan kaedah tersebut, saya telah membimbing peserta kajian membaca ayat pertama hingga ayat kelima bagi *Surah al-ʿĀdiyāt* sehingga lancar dengan menggunakan kaedah Talaqqi Musyafahah. Menurut Abdullah al-Qari (1994), menjelaskan pendapat Imam as-Syafie bahawasanya membaca al-Quran dengan bertajwid merupakan salah satu cara memelihara Kitabullah.

Kemudian, saya telah menerangkan maksud ayat secara satu persatu kepada peserta kajian melalui kaedah bercerita untuk memudahkan mereka memahami kata kunci yang akan diberikan dalam pertemuan yang seterusnya. Penggunaan kaedah ini adalah bertepatan dengan Muhammad Nur (2014), yang mengatakan bahawa kaedah penceritaan hikayat atau kisah-kisah merupakan langkah pertama untuk membina landasan asas metod pemikiran yang memainkan peranan penting dalam pembelajaran bagi menarik perhatian dan membangun perkembangan fikiran anak-anak.

Menurut Amjad Qasim (2014), antara cara untuk membantu menghafal al-Quran ialah dengan membaca secara tartil, mentadabbur, membayangkan makna ayat di dalam otak serta memperhatikan ayat-ayat al-Quran yang memiliki persamaan dan membezakannya antara satu sama lain. Berdasarkan masalah yang tersebut, kata kunci iaitu kad kalimah yang diambil dari kalimah terakhir dalam setiap ayat diperkenalkan dalam tindakan ini bertujuan untuk membezakan kelima-lima kalimah yang mempunyai persamaan tersebut. Kad kalimah digunakan sebagai kata kunci dalam aktiviti ini untuk dilekatkan ke dalam kolom ayat dalam Jadual Pengajaran dan Penilaian Banting Hafazan Masrur bagi melengkapkan ayat satu hingga ayat lima *Surah al-ʿĀdiyāt* dengan bantuan guru.

Seterusnya, saya menekankan kad kalimah tersebut dengan memperkenalkan kad gambar untuk membantu murid mengingat kalimah. Ianya bertujuan menyokong murid memahami dan mengingat kalimah-kalimah tersebut berdasarkan gambar. Mohammad Nizam (2014), mengulas bahawa tadabbur merupakan suatu kemestian dan tuntutan dimana tujuannya adalah untuk difahami dan diikuti. Oleh yang demikian, pengajaran ini membawakan pendekatan kefahaman dalam menguasai suatu hafazan dengan baik.

Kemudian, aktiviti diteruskan lagi dengan memperkenalkan pergerakan tertentu yang bersesuaian dengan kata kunci dan kad gambar tersebut. Menurut Suppiah et.al.,(2009), menegaskan bahawa untuk mengekalkan apa yang dipelajari di dalam memori, pembelajaran mestilah seiring dengan pergerakan. Aktiviti diakhiri dengan mengukuhkan hafazan murid-murid melalui kaedah tkrar dan kaedah tasmik. Penggunaan kaedah ini adalah bersesuaian dengan Muh. Barid (2015), yang menjelaskan antara metod pengajaran dan pendidikan yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun ialah metod berperingkat-peringkat dan pengulangan dalam pembelajaran.

Pada minggu yang terakhir, peserta kajian diedarkan dengan set soalan ujian akhir. Menurut Mohd. Ramzi Omar (1994), menyimpulkan bahawa pendekatan Al-ghazālī yang juga turut menitikberatkan penilaian dalam pendidikan dengan membahagikan penilaian kepada tiga bahagian iaitu penilaian harian atau mingguan, penilaian pada peringkat akhir dan penilaian tingkah laku murid-murid adalah bertepatan dengan sistem pendidikan pada zaman ini. Pelaksanaan penilaian tersebut memberi manfaat yang sangat besar bukan sahaja terhadap murid malah terhadap guru untuk menambahbaik amalan pengajaran.

REFLEKSI DAPATAN

Kaedah Hafazan Masrur berjaya membantu meningkatkan minat murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt*. Dapatan kajian menunjukkan Kaedah Hafazan Masrur yang menekankan pendekatan kefahaman melalui penggunaan kata kunci, ilustrasi gambar dan teknik pergerakan untuk menghafaz dapat membantu meningkatkan minat murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt*. Dapatan melalui catatan nota lapangan dan borang maklum balas membuktikan berlakunya peningkatan minat dalam kalangan peserta kajian setelah tindakan dijalankan. Jadual 3 menunjukkan analisis kekerapan respon peserta kajian yang dicatatkan dalam catatan nota lapangan sepanjang PdPc menghafaz *Surah al-Ādiyāt* sebelum tindakan dan selepas tindakan dijalankan.

Jadual 3

Analisis kekerapan respon peserta kajian semasa PdPc.

Masa	Sebelum tindakan				Selepas tindakan			
	Banyak termenung	Bosan	Tersekat-sekat	Teragak-agak	Fokus	Seronok	Tersenyum	Yakin
A	/	/	/	/	/	/	/	/
B	/	/	/	/	/	/	/	/
C	/	/	/	/	/	/	/	/
D	/	/	/	/	/	/	/	/
Kekerapan	4	4	4	3	4	4	3	4
Peratus (x/4 X 100)	100	100	100	75	100	100	75	100

Berdasarkan hasil analisis kekerapan respon peserta kajian dalam Jadual 3 sebelum tindakan dijalankan, dapat disimpulkan bahawa 100% murid menunjukkan tiga jenis respon yang sama semasa PdPc iaitu banyak termenung, bosan dan tersekat-sekat dalam menghafaz. Manakala, bagi respon teragak-agak, hanya 75% murid yang menunjukkan respon tersebut. Murid D tidak menunjukkan respon yang sama kerana dia merupakan salah seorang murid yang aktif dan berani mencuba dalam pembelajaran di kelas. Keempat-empat respon negatif ini memberikan pandangan bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru masih mempunyai kekurangan untuk ditambahbaik.

Namun demikian, hasil respon peserta kajian dalam PdPc selepas tindakan dijalankan pula menunjukkan 100% murid mempunyai peningkatan minat iaitu fokus, seronok dan yakin. Hasil analisa kekerapan dalam merekodkan nilai kekerapan respon bagi fokus, seronok dan yakin ialah 100% manakala nilai respon bagi tersenyum dalam kalangan peserta kajian adalah 75%. Setelah membuat penelitian, saya mendapati murid A tidak menunjukkan respon senyum yang kerap semasa pembelajaran kerana latar belakang murid tersebut menunjukkan dia seorang yang sangat pasif dan pemalu. Hasil dapatan bagi instrumen nota lapangan yang dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian menunjukkan bahawa Kaedah Hafazan Masrur dapat membantu meningkatkan minat pelbagai tahap murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt*.

Dapatan ini kemudiannya dikukuhkan lagi dengan hasil analisis maklum balas selepas tindakan dijalankan dimana jawapan bagi soalan 1 dan 3 menunjukkan 100% murid bersetuju bahawa mereka suka belajar dengan menggunakan Kaedah Hafazan Masrur dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt* dan berkeinginan untuk menghafaz surah-surah lain selain *Surah al-Ādiyāt* dengan menggunakan Kaedah Hafazan Masrur sedangkan jawapan mereka sebelum tindakan dijalankan adalah sebaliknya. Kesimpulannya, melalui kaedah maklum balas ini, didapati bahawa Kaedah Hafazan Masrur yang digunakan dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt* sememangnya berjaya membantu meningkatkan minat murid untuk menghafaz dengan lebih baik.

Bagaimana Kaedah Hafazan Masrur berjaya meningkatkan penguasaan murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt*. Bagi membuktikannya, saya juga telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu melalui analisis dokumen dan borang maklum balas. Jadual 4 menunjukkan analisis kekerapan respon peserta kajian yang dicatatkan dalam catatan nota lapangan sepanjang PdPc menghafaz *Surah al-Ādiyāt* sebelum dan selepas tindakan dijalankan.

Jadual 4

Analisis peratusan markah murid sebelum dan selepas Kaedah Hafazan Masrur digunakan.

Murid	Sebelum Kajian	Latihan Pengukuhan	Selepas Kajian	Peratusan Peningkatan Markah	Purata Peratusan Peningkatan Markah
A	20%	60%	100%	80%	75%
B	20%	60%	100%	80%	
C	20%	60%	100%	80%	
D	40%	80%	100%	60%	

Dapatan Jadual 4 menunjukkan berlaku peningkatan prestasi skor markah murid bermula dari awal kajian dijalankan sehingga akhir kajian. Peratusan terendah markah dapat dilihat dalam lembaran kerja yang diedarkan sebelum tindakan dimana

murid A, B dan C mendapat peratusan markah yang sama iaitu 20%. Manakala Murid D mendapat markah 40%. Secara keseluruhannya, kesemua peserta kajian didapati masih berada di aras yang rendah dalam skala gred akademik yang digunakan dalam kajian ini iaitu pada tahap lemah dan memuaskan.

Namun demikian, hasil pelaksanaan Kaedah Hafazan Masrur, kesemua peserta kajian berjaya mendapat markah 100% dalam ujian selepas tindakan dijalankan dengan peningkatan markah sebanyak 80% bagi tiga orang peserta kajian dan 60% bagi seorang peserta kajian. Purata peratusan peningkatan markah murid adalah sebanyak 75%. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa Kaedah Hafazan Masrur dapat membantu dalam meningkatkan penguasaan murid menghafaz *Surah al-Ādiyāt*.

Dapatan tersebut juga telah dapat dibuktikan melalui hasil maklum balas murid dimana dapatan menunjukkan 100% murid bersetuju bahawa *Surah al-Ādiyāt* mudah dihafaz dan difahami maksudnya serta mereka tidak lagi mudah keliru dalam menghafaz dengan menggunakan Kaedah Hafazan Masrur. Jawapan tersebut adalah berbeza dengan jawapan mereka sebelum tindakan dijalankan dimana 100% murid mengatakan bahawa surah tersebut sukar dihafaz, mereka tidak memahami maksud ayat dan mereka keliru dalam menghafaz surah tersebut. Tuntasnya, dapatan tersebut menunjukkan bahawa Kaedah Hafazan Masrur berjaya membantu meningkatkan penguasaan murid dalam menghafaz *Surah al-Ādiyāt*.

REFLEKSI

Kesan Terhadap Peserta Kajian

Kajian Penyelidikan Tindakan ini telah berjaya memberi impak yang positif dapat dilihat dalam kalangan peserta kajian dimana Kaedah Hafazan Masrur yang digunakan dapat mengubah tanggapan murid terhadap pembelajaran dalam Bidang al-Quran yang sering kali dianggap sukar dan membosankan. Zaman ini telah berubah dan guru perlu menambahbaik kemahiran dan pengetahuan agar sesuai dengan keperluan zaman (Mohammed Sani, 2005). Selepas tindakan dijalankan, perubahan tanggapan dapat dilihat apabila murid seronok dan tersenyum menunjukkan bahawa mereka berminat untuk mempelajari al-Quran dalam Bidang Hafazan. Ianya dikukuhkan lagi dengan pernyataan mereka dalam borang maklum balas yang memersetujui bahawa mereka berminat dengan pembelajaran Kaedah Hafazan Masrur untuk menghafaz *Surah al-Ādiyāt* dan berkeinginan untuk menghafaz surah-surah lazim yang lain dengan menggunakan kaedah tersebut. Hal demikian menunjukkan bahawa tanggapan negatif peserta kajian terhadap bidang hafazan al-Quran dapat ditepis dan digantikan dengan kecintaan terhadap al-Quran dengan lebih mendalam.

Seterusnya, kajian ini juga mampu menghilangkan kekeliruan murid dalam penyusunan ayat *Surah al-Ādiyāt* yang seterusnya mampu membantu meningkatkan penguasaan murid dalam menghafaz surah tersebut. Penguasaan ini bukan sahaja berkesan dalam tempoh masa yang singkat, namun ianya juga berkesan untuk mengekalkan hafalan dalam jangka masa yang panjang. Tempoh masa kajian yang dijalankan secara berperingkat-peringkat dapat membuktikan bahawa murid mampu mengingat pembelajaran dengan menggunakan Kaedah Hafazan Masrur dalam jangka masa yang lama.

Bukan itu sahaja, murid juga berpeluang untuk mempelajari dan mendalami al-Quran dengan lebih mendalam semasa sesi pembelajaran. Lisdawati (2012) menyimpulkan pendapat Abu Hanifah tentang tujuan pengajaran iaitu untuk memahami hakikat diri, mempelajari ilmu dan mengamalkan ilmu yang dipelajari. Pembelajaran

menggunakan Kaedah Hafazan Masrur yang menekankan teknik kefahaman untuk menghafaz memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk menjadikan al-Quran sebagai panduan dan pedoman hidup.

Kesan Terhadap Amalan Kendiri.

Dalam metod pengajaran menggunakan Kaedah Hafazan Masrur, gabungan kaedah tradisional dan kaedah moden dalam mengajar membantu dan mendorong saya mempelbagaikan kaedah pengajaran agar memberikan kesan yang positif terhadap murid-murid. Pemilihan kaedah dan bahan yang bersesuaian dengan kepelbagaian jenis murid dan gaya pembelajaran melatih saya untuk lebih prihatin dan berusaha untuk memperbaiki amalan sendiri dari semasa ke semasa. Kepelbagaian kaedah dan bahan yang digunakan dalam kajian ini membuahakan hasil dapatan yang amat menarik dan memberi kesan terhadap amalan sendiri saya sendiri.

Kesan Terhadap Amalan Sebagai Penyelidik

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat disebar luas dan dikongsikan dalam kalangan pendidik khususnya terhadap Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi membantu menambahbaik dan memperkembangkan lagi amalan pedagogi Pendidikan Islam. Kepimpinan yang terbaik mampu meningkatkan keberhasilan murid dan membimbing diri dan rakan sekerja ke arah matlamat yang hendak dituju (Abdullah et.al., 2007). Nabi Muhammad juga merupakan contoh pendidik dan penyelidik yang pertama dalam Islam dimana Zainal (2014) menerangkan peranan Rasulullah sebagai pendidik yang ideal dapat dilihat melalui usaha baginda dalam menambahbaik lembaga pendidikan selepas berhijrah ke Madinah.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Sekiranya saya diberi peluang untuk melaksanakan Kaedah Hafazan Masrur di sekolah kelak, saya berhajat untuk memantapkan lagi penggunaan Kaedah Hafazan Masrur dengan menjadikan ianya sebagai kaedah rutin dalam bacaan rutin setiap pagi sebelum memulakan pembelajaran. Perkembangan kaedah juga boleh diadakan dengan meneruskan kajian Kaedah Hafazan Masrur tersebut terhadap enam ayat yang seterusnya dalam *Surah al-Ādiyāt*. Bukan itu sahaja, kaedah tersebut juga boleh diaplikasikan untuk surah-surah lain selain *Surah al-Ādiyāt*. Penggunaan Hasil pelaksanaan budaya tersebut sudah pasti dapat memantapkan lagi penguasaan murid dalam menghafaz surah-surah lazim yang menggabungkan pelbagai kaedah pengajaran yang bersesuaian.

RUJUKAN

- Abdullah al-Qari Solleh (1994). *14 Amalan Manusia Tak Dapat Bau Syurga*. Kuala Lumpur : Dinie Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed, & Abdul Ghani Abdullah. (2007). *Guru sebagai pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Ackroyd, S. & Hughs, J. (1992) *Data collection in context*. Second edition. Harlow :logman.
- Amjad Qasim. (2014). *Hafalan al-Quran dalam sebulan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

- Lisdawati (2012). Sistem Pendidikan Islam Dalam Pemikiran Imam Abu Hanifah. *Jurnal Pemikiran Islam*, 37(1), 1-6.
- Mohammad Nizam. (2014). *Memburu Keberkatan Ilmu*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohammed Sani Ibrahim (2005). Teacher Education Reforms and Teacher Professional Standards: How can we helps tachers to cope with the changes and challenges in education? *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa ke-12 Rangkaian Penyelidikan Literasi dan Pendidikan dalam Pembelajaran di Fakulti Pendidikan*. Universiti Granada, Sepanyol, 11-14 Julai 2005.
- Mohd. Ramzi Omar. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nur (2014). *Prophetic Parenting: Cara Nabi Mendidik Anak*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd.
- Muh. Barid Nizaruddin Wajdi (2015). Pendidikan Ideal Menurut Ibnu Khaldun Dalam Muqaddimah. *JURNAL LENTERA: Kajian Keagamaan, Keilmuan dan Teknologi*. 1(2), 274-283.
- Muslim (2016). Konfigurasi Pemikiran al-Qabisi Tentang Pendidikan Islam. *POTENSIA: Jurnal Kependidikan Islam*, 2(2), 199-211
- Rahman Afandi. (2013). Kepimpinan dalam Pendidikan Islam. *INSANIA*, 18(1), 95-116.
- Suppiah, Kamarulzaman, Abd.Aziz, Ramlah, Roslinda & Hazalizah. (2009). *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Zainal Efendi (2014). Profil Rasulullah SAW Sebagai Pendidik Ideal dan Kontribusinya Terhadap Pengembangan Pendidikan Islam di Indonesia. *Jurnal FITRAH*, 8(2), 199-218.